

DBKL rampas 554 unit PPR

KUALA LUMPUR. - Sebanyak 554 unit rumah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) dirampas Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti (JPPPK) bagi tempoh dari Januari sehingga Jun 2017.

Pengarah JPPPK DBKL, Wan Mohamad Ghazali Nor berkata, tindakan tersebut diambil pihaknya melalui Operasi Rampasan Unit Bersepadu JPPPK ke atas tiga kesalahan utama.

"Sehingga Jun pada tahun ini, kita telah merampas 361 unit rumah didiami pemilik tidak menetap, 182 unit bagi kesalahan penghuni tidak sah serta 11 unit bagi kesalahan menyewa kepada warga asing.

"Jumlah tersebut meningkat berbanding 324 unit sejak ia dilancarkan pada April tahun lalu," katanya ketika ditemui pemberita selepas mengetuai Operasi Pemutihan Perumahan DBKL di PPR Intan Baiduri, Kepong di sini semalam.

Dalam operasi itu sebanyak 35 unit kediaman disita selepas didapati melanggar syarat perjanjian penyewaan DBKL.

Daripada jumlah itu, 13 daripadanya didapati pemilik tidak menetap manakala 22 unit lagi didiami penghuni tidak sah, iaitu bukan pemilik asal.